



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	17/12/2019	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

'Air naik begitu cepat'

Mangsa banjir reda hadapi banjir setiap tahun

NOR AZURA MD AMIN

BATU PAHAT

Sebuah keluarga di Kampung Parit Semarang di sini tidak menyangka air naik begitu cepat petang kelmarin sehingga memaksa mereka berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Suria Perdana.

Shida Mohamad, 52, berkata, dia dan suaminya, Md Zainal Tukimin, 54, bersama lima anak mereka menaiki kereta ke PPS yang terletak 500 meter dari rumah kira-kira jam 4 petang kelmarin.

Anak kedua mereka, Mohd Shafik, 24, sukar bergerak kerana patah tangan kanan dan paha kanan akibat kemalangan pada September



Shida (tiga dari kanan) dan Mohd Shafik yang berkerusi roda ketika dikunjungi Zulkiflee di PPS SMK Suria Perdana Batu Pahat semalam.

lalu terpaksa dibantu untuk berpindah ke PPS.

Menurut Shida, sejak tinggal di situ lebih 30 tahun lalu, hampir setiap tahun rumahnya akan dinaiki air berikutan terletak di kawasan rendah.

"Saya reda dengan ujian ini, memandangkan memang hujan lebat akan berlaku pada setiap hujung tahun," katanya ketika ditemui di PPS SMK Suria Perdana semalam.

Jelasnya, dia amat berharap agar diberikan bantuan bagi meringankan beban selepas banjir berikutan banyak barang yang rosak ditenggelami air.

Sementara itu, Pegawai Daerah Batu Pahat, Zulkiflee Abbas berkata, tiga PPS telah dibuka di daerah ini iaitu di Balai Raya Kampung Haji Kamisan, SMK Suria Perdana dan SK Seri Chomel menempatkan 76 mangsa banjir.